

'Saya akan kembali sebagai tetamu'

BH - 7 DEC 2011

PUTRAJAYA, Jumaat - "Aidilfitri tahun depan saya akan kembali ke Seri Perdana sebagai tetamu untuk bersalaman dengan Perdana Menteri yang baru," kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad secara berseloroh apabila ditanya mengenai Aidilfitri tahun depan.

"Tidak syak lagi bahawa ini adalah Aidilfitri terakhir saya di Seri Perdana dan saya menerimanya dengan positif tanpa sebarang perasaan berbelah bahagi.

"Saya yakin tidak akan merindui Putrajaya kerana masih boleh kembali ke sini sebagai tetamu pada Aidilfitri akan datang," katanya kepada pemberita selepas beliau bersama isterinya, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohamed Ali, menerima kira-kira 100,000 tetamu pada majlis rumah terbuka di Seri Perdana, hari ini.

Dr Mahathir akan melepaskan jawatan sebagai Perdana Menteri pada Oktober tahun depan.

Ditanya sama ada akan merindui suasana sambutan Aidilfitri di Seri Perdana, Dr Mahathir berkata itu tidak mungkin berlaku kerana beliau baru saja menduduki kediaman rasminya.

"Saya sebenarnya mempunyai rumah sendiri di Alor Star dan satu lagi di The Mines (Seri Kembangan), yang sering saya kunjungi apabila lapang. Rumah ini (Seri Perdana) terlalu besar untuk saya. Saya tidak biasa mendiami rumah yang besar," katanya.

Bagaimanapun, Dr Siti Hasmah berkata mereka akan tetap meneruskan tradisi rumah terbuka hari raya walaupun selepas berpindah dari kediaman rasmi Perdana Menteri.

"Saya lebih suka rumah yang lebih kecil. Rumah ini terlalu besar untuk saya," kata Dr Siti Hasmah.

Antara mereka mengunjungi rumah terbuka Perdana Menteri ialah menteri Kabinet, pemimpin parti politik, tokoh korporat dan diplomat serta orang kenamaan dari luar negara.